



TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM
MAJLIS PENTAULIAHAN SKUAD WAJA INSANIAH 2023

LOKASI / TARIKH / MASA
SWISS GARDEN HOTEL, KUALA LUMPUR
2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)
11.00 PAGI HINGGA 2.00 PETANG

Kemaskini 1 November 2023

(A) PENDAHULUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat bertemu dan bersama-sama dalam Majlis Pentaulihan Skwad Waja Insaniah Tahun 2023 yang diadakan pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penganjur program, iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) atas pelaksanaan program ini.

3. Selain itu, tahniah dan terima kasih juga kepada semua hadirin, khususnya para ahli Skwad Waja Insaniah yang diraikan.

(B) KEPEDULIAN TERHADAP ISU KANAK-KANAK

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

4. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak 2001 mendefinisikan golongan yang berumur 18 tahun dan ke bawah sebagai kanak-kanak.

5. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2022, kanak-kanak dianggarkan adalah 28.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia.

6. Kita juga tahu kes-kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan semakin meningkat sejak akhir-akhir ini seperti yang dilaporkan di media.

7. Perkara ini amat membimbangkan kerana kebanyakan kes penderaan ini adalah melibatkan pelaku yang mempunyai

hubungan rapat dengan mangsa seperti ibu bapa, penjaga, datuk, kekasih ibu, bapa tiri dan sebagainya.

8. Berdasarkan laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kes penderaan kanak-kanak telah menunjukkan peningkatan yang membimbangkan iaitu 5,858 kes pada tahun 2020 kepada 6,144 kes pada tahun 2021. Angka ini terus meningkat kepada 6,770 kes pada tahun 2022.
9. Bagi tahun ini pula, daripada bulan Januari sehingga Mei 2023, JK M telah mengendalikan sebanyak 2,959 kes yang melibatkan

penderaan dan pengabaian berbentuk penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian.

10. Lantaran itu, KPWKM telah menubuhkan sebanyak 140 Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK), 133 Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dan 142 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) bagi memainkan peranan menjadi mata dan telinga sekaligus mewujudkan program advokasi kepada masyarakat setempat.
11. Selain itu, KPWKM juga turut mengadakan kerjasama strategik dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Polis Diraja Malaysia

(PDRM) sebagai sinergi antara kementerian dalam meneruskan program advokasi kepada masyarakat agar lebih cakna dalam isu ini.

12. Talian Kasih kita juga adalah salah satu platform di mana pihak awam dapat melaporkan sebarang bentuk pengabaian dan penderaan kanak-kanak.

(Talian Kasih 15999 atau Whatsapp ke nombor 019-261 5999.)

(C) LATAR BELAKANG SKUAD WAJA

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

13. Sukarelawan Skuad Waja telah ditubuhkan pada 8 Mac 2021 untuk memperkasa komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti yang merangkumi aspek keseimbangan, kewangan, kemahiran dan kepimpinan.
14. Pelaksanaan program Skuad Waja ini telah mewujudkan sinergi yang baik antara pihak kerajaan dan komuniti dalam menangani isu keganasan terhadap wanita.

15. Sejak dari penubuhan Skuad Waja pada tahun 2021 sehinggalah Disember 2022, terdapat seramai **328,558 orang ahli Skuad Waja, dengan seramai 253,973 orang wanita (77.3%) dan 74,585 orang lelaki (22.7%).**

16. Melalui keahlian yang ramai ini, ahli-ahli Skuad Waja telah turun padang bagi menyantuni masyarakat dan komuniti. Sebanyak **1,012 program psikososial** Skuad Waja telah dijalankan dalam komuniti di seluruh negara yang melibatkan seramai hampir **73,000 orang yang telah berjaya disantuni.**

(D) PROGRAM SKUAD WAJA INSANIAH

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

17. Melihat kepada perkembangan dan penerimaan positif terhadap program Skwad Waja ini, JPW melalui Inisiatif Bitara Madani 2023 yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif yang menggunakan kos rendah, berimpak tinggi dan boleh dilakukan secara pantas, telah **memperluaskan peranan Skwad Waja**

kepada perlindungan kanak-kanak di bawah program Skwad Waja Insaniah.

18. Skwad Waja Insaniah ini bertujuan untuk menggalakkan **penyertaan dan memperkasakan** masyarakat dan komuniti dalam membantu menangani kes **kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan** di bawah Seksyen 17, Akta Kanak-kanak 2001 seperti pengabaian, penganiayaan dan penderaan kanak-kanak .

19. Ahli Skwad Waja Insaniah juga akan diiktiraf dan didaftarkan sebagai Pembantu Pelindung Kanak-Kanak di bawah JKM.
20. Ahli Skwad Waja Insaniah yang terpilih telah dilatih dengan modul khusus berteraskan kepada keperluan psikososial kanak-kanak melalui kerjasama dengan JKM.
21. Sejak pelaksanaan Skwad Waja Insaniah bermula Mei hingga Julai 2023 yang lalu, seramai 330 peserta Skwad Waja Insaniah di seluruh Malaysia telah diberi latihan **melalui kombinasi Modul Skwad Waja 2.0 dan Latihan Pembantu Pelindung Kanak-kanak oleh JKM.**

22. Sebagai Pembantu Pelindung Kanak-kanak, ahli Skwad Waja Insaniah akan bertindak sebagai *first-responder* untuk membantu pegawai pelindung dalam melaksanakan peranannya untuk memelihara dan melindungi kanak-kanak serta meningkatkan peranan komuniti untuk menangani isu penderaan kanak-kanak.

(E) PENUTUP

23. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar Program Skwad Waja Insaniah 2023 ini akan menjadi titik pemangkin kepada

peningkatan tahap kepedulian masyarakat terhadap isu keselamatan dan perlindungan kanak-kanak, tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama.

24. Kanak-kanak perlu sentiasa diberi keutamaan kerana pelaburan kepada mereka adalah pelaburan untuk masa depan negara.

25. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Menebang semak di pinggir hutan,

Mencabut onak laluan si gahara,

Tanpa anak terbantutlah warisan,

Sejahtera anak madanilah negara.

26. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Majlis Pentauliahan Skwad Waja Insaniah Tahun 2023.**

Sekian, *Wabillahi taufiq walhidayah*

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

2 November 2023